



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 14 Mac 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>We All Prayed Hard For Her Success – Nancy</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/191920/malaysia/national/we-all-prayed-hard-for-her-success---nancy</p> <p>https://www.msn.com/en-my/news/other/we-all-prayed-hard-for-her-success-nancy/ar-AA18xDlp</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/658883</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249481/berita/hiburan/rakyat-malaysia-teruja-michelle-yeoh-menang-oscar</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-michelle-yeoh-beri-sokongan-dari-malaysia/</p>	<p>Sinar Daily</p> <p>MSN</p> <p>The Edge Markets</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	https://www.thesundaily.my/home/rakyat-malaysia-gembira-michelle-yeoh-lakar-sejarah-oscar-HC10745525 https://www.kosmo.com.my/2023/03/13/pm-zahir-ucapan-tahniah-buat-michelle-yeoh/	<p>The Sun Daily</p> <p>Kosmo</p>	
2	<p>KPWKM Sokong Kerjasama Banyak Pihak Tingkat Sumbangan Wanita</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076465/kpwkm-sokong-kerjasama-banyak-pihak-tingkat-sumbangan-wanita?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p> <p>https://www.buzzkini.com/gayahidup/2023/03/13/maggi-dorong-kaum-hawa-sertai-ekonomi-digital-dengan-program-mentor-wanita-cukup-berani-maggi-2023/</p> <p>https://www.ayuarjuna.com/2023/03/program-wanita-cukup-berani-maggi-musim.html</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buzz Kini</p> <p>Ayu Arjuna</p>	Neutral
3	<p>Kurang Empat Peratus Wanita Malaysia Buta Huruf</p> <p>https://www.utusan.com.my/gaya/2023/03/kurang-empat-peratus-wanita-malaysia-buta-huruf/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
4	<p>Selangor Bela Wanita, Beri Geran Rumah Perlindungan Dan Insentif Pengasuh</p> <p>https://harapandaily.com/selangor-bela-wanita-beri-geran-rumah-perlindungan-dan-insentif-pengasuh/</p>	<p>Harapan Daily</p>	Neutral
5	<p>JKM Kesan Bapa Bayi Lelaki Berusia Dua Bulan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249453/berita/s-emasajkm-kesan-bapa-bayi-lelaki-berusia-dua-bulan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-dua-bulan/</p> <p>https://melaysiakini.com/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-dua-bulan-81556.html</p> <p>https://headtopics.com/my/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-dua-bulan-36564322</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Melaysia Kini</p> <p>Head Topics</p>	Neutral

6	<p>Mangsa Banjir Di Johor Dan Melaka Berkurangan, Pahang Kekal</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/432758</p> <p>http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2172801</p>	<p>The Malaysia Insight</p> <p>Prn Bernama</p>	Neutral
7	<p>Nekad Terjun Laut Selamatkan Kanak-Kanak Lemas</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945376/nekad-terjun-laut-selamatkan-kanak-kanak-lemas</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1076612/terjun-ke-laut-selamatkan-kanak-kanak-lemas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249545/berita/semasa/kanak-kanak-11-tahun-lemas-ketika-mandi-di-pantai-damat</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=dnXmV7rWuKg</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-lemas-ditarik-ombak-semasa-mandi-di-pantai-damat/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59232-kanak-kanak-11-tahun-lemas-di-pantai-damat</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
8	<p>Penerbangan Ihsan Bawa Bayi Asma Ke Hospital</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076175/penerbangan-ihsan-bawa-bayi-asma-ke-hospital</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249470/berita/semasa/bomba-bantu-terbangkan-bayi-orang-asli-ke-hospital</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/penerbangan-ihsan-jbpm-bawa-bayi-asma-ke-hospital/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2172610</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

9	<p>Tingkatkan Jumlah Tenaga Buruh Wanita Di Malaysia</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249551/suara-sinar/lidah-pengarang/tingkatkan-jumlah-tenaga-buruh-wanita-di-malaysia</p>	Sinar Harian	Neutral
10	<p>Ibu Tunggal Bersyukur, Bantuan Ringan Beban Sedia Kelengkapan Anak Ke Sekolah</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/ibu-tunggal-bersyukur-bantuan-ringan-beban-sedia-kelengkapan-anak-ke-sekolah/</p>	Selangor Kini	Neutral
11	<p>'Bantuan Persekolahan RM100 Ringankan Beban Kami'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249555/edisi/ke-lantan/bantuan-persekolahan-rm100-ringankan-beban-kami</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945304/keluarga-asnaf-bersyukur-dapat-baju-sekolah-baharu-metrotv</p>	Sinar Harian Harian Metro	Neutral
12	<p>OKU Lega Bantuan Penuhi Keperluan Anak Kembali Ke Sekolah</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/oku-lega-bantuan-penuhi-keperluan-anak-kembali-ke-sekolah/</p>	Selangor Kini	Neutral
13	<p>OKU Cekap Main Takraw, Miliki Kedai Gunting Rambut</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249556/edisi/ke-lantan/oku-cekap-main-takraw-miliki-kedai-gunting-rambut</p> <p>https://newswav.com/article/oku-cekap-main-takraw-miliki-kedai-gunting-rambut-A2303_MakPya</p>	Sinar Harian Newswav	Neutral
14	<p>Aktivis Yang Memperjuangkan Nasib Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pembelajaran</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945432/inilah-kepuasan-saya</p>	Harian Metro	Neutral

WE ALL PRAYED HARD FOR HER SUCCESS – NANCY

<https://www.sinardaily.my/article/191920/malaysia/national/we-all-prayed-hard-for-her-success---nancy>

Sumber : Sinar Daily



KUALA LUMPUR - Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri expressed her excitement for Tan Sri Michelle Yeoh on her Oscars victory and wished her the best of luck.

Speaking to the media at Dadi Cinema at Pavilion Kuala Lumpur for the live viewing of the Oscars today, she said everyone fully supported Michelle and prayed hard for the actress' success.

"I am overwhelmed by this because this is the first time Malaysia ever been nominated so we really pray hard and give our full support," Nancy said.

"We are confident she will get it. She's really an inspiration," she added.

Nancy described Michelle as a humble person given her lifetime achievement, which inspires other people to feel humble as well.

"We all pray hard for her. Malaysia boleh!" Nancy said.

Michelle Yeoh has won an Oscar for Best Lead Actress for her role in 'Everything Everywhere All At Once' at the 95th Academy awards.

This is the actress' first academy award, and she made history by becoming the first Asian woman to win the best actress Oscar.

KPWKM SOKONG KERJASAMA BANYAK PIHAK TINGKAT SUMBANGAN WANITA

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076465/kpwkm-sokong-kerjasama-banyak-pihak-tingkat-sumbangan-wanita?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



PETALING JAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited untuk memperbanyakkan lagi usaha bagi menyokong pembabitan wanita secara produktif dalam pasaran kerja bersama pelbagai pihak.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ia sebagai langkah meningkatkan sumbangan wanita secara inklusif dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Katanya, ketika ini kementerian turut menumpukan agenda lestari yang terbaik untuk pembangunan wanita di segenap peringkat.

"Saya yakin inisiatif seperti ini akan menjadi nadi kesinambungan dalam memperkasakan peranan wanita khususnya dalam ekonomi keusahawanan," katanya berucap pada Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI 2023, di sini, hari ini.

Justeru, Nancy berkata, kementerian amat menyokong usaha MAGGI mempertingkatkan jangkauan komuniti akar umbi yang tertumpu kepada komuniti B40.

"Ia termasuk menawarkan bengkel peningkatan kemahiran dalam perniagaan, kemahiran digital dan penampilan diri yang sekali gus membantu meningkatkan pembabitan wanita dalam ekonomi digital," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, inisiatif dilaksanakan itu selaras dengan konsep Malaysia Madani, Kerajaan Perpaduan yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memastikan kumpulan sasaran terutamanya wanita, tidak terpinggir dalam pembangunan ekonomi negara semasa.

Katanya, ia juga menunjukkan kerajaan kini sangat menyanjung sumbangan wanita dalam pelbagai sektor serta membantu membangunkan Malaysia Madani.

"Terima kasih kepada mereka yang terbabit atas usaha melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk manfaat komuniti sejangat.

"Saya juga menggesa wanita di Malaysia bangkit dan mulakan perubahan baharu dalam diri mereka dan tampil lebih yakin demi mencapai impian mereka, sama ada dalam kehidupan, di dapur atau di arena perniagaan," katanya.

Mengulas tema Hari Wanita Sedunia iaitu 'Embrace Equity', Nancy berkata, ia sejajar matlamat Kementerian untuk meningkatkan penyertaan aktif wanita dalam tenaga kerja serta kemahiran wanita dan komuniti terpinggir dalam era digital kini.

Katanya, ia secara langsung akan membuka peluang pendapatan baharu dan mampu merapatkan jurang kesaksamaan gender.

"Kesaksamaan gender memerlukan pembabitan, kerjasama dan sokongan pelbagai pihak.

"Jadi, kami berbesar hati menjadi sebahagian daripada kerjasama di antara sektor swasta dan awam termasuk untuk Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI ini.

"Kementerian sentiasa menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memperkasa ekonomi wanita dan keluarga menerusi peluang kerjaya, perkongsian ilmu pengetahuan, pengurusan kewangan, kemahiran, serta kepimpinan sendiri bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan," katanya.

KURANG EMPAT PERATUS WANITA MALAYSIA BUTA HURUF

<https://www.utusan.com.my/gaya/2023/03/kurang-empat-peratus-wanita-malaysia-buta-huruf/>

Sumber : Utusan



SAMBUTAN Hari Wanita Antarabangsa 2023 kelmarin merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada golongan wanita tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi dan politik.

KASIH Wanita diangkat sebagai tema kali ini yang bermaksud kasih sayang, akhlak mulia, sihat, ilmu dan harmoni dalam usaha melahirkan individu, keluarga serta masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian, kebendaan, beradab dan menyanjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan.

Tema itu tepat bagi merujuk kepada peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sepanjang 22 tahun memperkasa wanita dan mengurus perdanakan gender, selari dengan hasrat Malaysia Madani.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, antara kejayaan besar yang dicipta wanita dalam tempoh itu ialah peningkatan kadar literasi daripada 86.3 peratus pada 2000 kepada 96.20 peratus tahun berikutnya.

Lebih membanggakan, katanya, kadar kemasukan wanita di setiap peringkat pendidikan turut mencatatkan lonjakan.

Menurutnya, statistik 2021 mendapati jumlah kemasukan prasekolah ialah 90.31 peratus manakala peringkat rendah (98.43 peratus), menengah (94.45 peratus) dan pendidikan tinggi (47.51 peratus).

“Secara keseluruhan, wanita masih mendominasi kadar kemasukan kasar berbanding lelaki dalam semua peringkat pendidikan.

“Malah, kemasukan wanita di peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dan sarjana turut meningkat iaitu sebanyak 50.02 peratus dan 56.62 peratus pada tahun sama, 2021,” katanya berucap dalam majlis sambutan di Dewan Perdana Felda, baru-baru ini.

Majlis dihadiri kira-kira 600 tetamu yang turut disiarkan secara langsung di Facebook dan YouTube itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek serta Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu.

Anwar turut menyampaikan hadiah kepada lima penerima Anugerah KASIH Wanita iaitu Rosmani Ismail yang mengungguli kategori Wanita Bangkit diikuti Azrina Salleh (Wanita Cekal), B. Marie Puspan (Wanita Harmoni), Sang Swe Teck (Wanita Komuniti) dan Dayang Rugayah Awang Besar (Wanita Bakti).



ANWAR menyerahkan Anugerah Wanita Bangkit kepada Rosmani Ismail sambil diperhatikan oleh Nancy.

ISI TIGA JAWATAN

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih lagi rendah iaitu sebanyak 55.5 peratus meskipun terdapat peningkatan saban tahun.

Nancy berkata, bagi jawatan pembuat keputusan di sektor awam, wanita berjaya melepasi kuota 30 peratus yang disasarkan dengan merekodkan sebanyak 38.8 peratus berbanding 38.75 peratus 2021.

Bagaimanapun, ujarinya, kajian penilaian terkini yang dilaksanakan KPWKM mendapati terdapat sektor-sektor tertentu termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang masih jauh daripada sasaran itu.

Nancy memberitahu, hak-hak dan kedudukan kaum Hawa akan lebih terjamin jika semakin ramai wanita terlibat sebagai pembuat keputusan sekali gus dapat menyuntik kepelbagaian dalam kepemimpinan dan pentadbiran negara selaras untuk merapatkan jurang gender di Malaysia.

“Senario itu membayangkan mengapa tidak tiga jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam iaitu ketua setiausaha negara, ketua pengarah perkhidmatan awam dan ketua setiausaha perbendaharaan disandang oleh wanita pula selepas ini,” katanya.

Sehubungan itu, Nancy berjanji kementeriannya akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif memperkasakan wanita daripada segi ekonomi, keselamatan, kesejahteraan dan kepemimpinan.

“Langkah itu bagi memastikan wanita dapat berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada orang lain untuk kelangsungan hidup, seterusnya mendaya upayakan potensi mereka agar mampu bangkit mengatasi cabaran,” katanya.

SELANGOR BELA WANITA, BERI GERAN RUMAH PERLINDUNGAN DAN INSENTIF PENGASUH

<https://harapandaily.com/selangor-bela-wanita-beri-geran-rumah-perlindungan-dan-insentif-pengasuh/>

Sumber : Harapan Daily

Kerajaan Selangor telah menyerahkan sumbangan geran kepada sembilan buah rumah perlindungan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM180,000 sempena sambutan Hari Wanita Sedunia tahun ini.

Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata geran itu bertujuan untuk membantu rumah perlindungan di Selangor menaik taraf fasiliti dan membangunkan kapasiti kakitangan serta pemandiri.

“Menerusi sambutan ini juga, seramai 10 orang pengasuh telah menerima Geran Kursus Intensif Pengasuhan Kanak-kanak berjumlah RM2,000 bagi setiap penerima manfaat.

“Geran tersebut diharap membantu para pengasuh menambah baik servis dan perkhidmatan mereka dalam bidang pengasuhan,” katanya dalam kenyataan.



Siti Mariah (enam dari kiri) bergambar bersama penerima geran Kursus Insentif Perkembangan Kanak-Kanak 2022 dalam sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat negeri Selangor di Sepang pada 11 Mac 2023.

Siti Mariah berkata pada tahun ini kerajaan negeri juga telah mengiktiraf peranan 10 tokoh yang menerima pelbagai anugerah atas sumbangan dan bakti mereka dalam pelbagai sektor.

Sambutan Hari Wanita Sedunia 2023 dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga, Wanita Berdaya Selangor serta Gabungan Persatuan Wanita Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCWO) di Sepang pada Sabtu lalu.

Perasmian sambutan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu.

JKM KESAN BAPA BAYI LELAKI BERUSIA DUA BULAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/249453/berita/semasa/jkm-kesan-bapa-bayi-lelaki-berusia-dua-bulan>

Sumber : Sinar Harian



BUKIT MERTA JAM - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Seberang Perai Tengah sedang mengesan bapa kandung seorang bayi kanak-kanak lelaki baru berusia dua bulan.

Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah, Noor Liza Azeool berkata, kanak-kanak itu ditinggalkan bapa kandungnya yang juga warganegara Indonesia tanpa dokumen pengenalan diri sejak dua bulan lalu setelah kematian ibu kandungnya yang juga warganegara Indonesia.

Menurutnya, kanak-kanak itu telah ditinggalkan bapa kandungnya kerana menguruskan kematian ibu kandungnya.

"Bapa kandungnya hingga kini gagal dikesan dan dihubungi oleh pelindung," katanya kepada Sinar Harian di sini pada Isnin.

Noor Liza berkata, permohonan pengecualian Seksyen 15(3) Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan untuk siaran media.

Beliau berkata, waris atau orang ramai yang mengenali bapa kandung atau waris kepada kanak-kanak berkenaan boleh menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Aminul Husaini di talian 04-538 2584.

MANGSA BANJIR DI JOHOR DAN MELAKA BERKURANGAN, PAHANG KEKAL

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/432758>

Sumber : The Malaysia Insight



JUMLAH mangsa banjir di Johor dan Melaka terus menurun manakala Pahang tidak berubah dengan 39,846 orang ditempatkan di 128 pusat pemindahan sementara (PPS) setakat malam ini.

Di JOHOR jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 39,677 orang setakat 8 malam ini berbanding 40,005 direkodkan pada 4 petang tadi susulan penutupan tiga PPS di Muar dan Batu Pahat.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) menerusi kenyataan memaklumkan PPS yang ditutup adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alaudin di Muar manakala di Batu Pahat pula ialah Yong Peng High School dan Sekolah Agama Air Puteh, menjadikan 125 PPS masih beroperasi di empat daerah setakat ini.

Menurut JPBN, Batu Pahat kekal daerah paling teruk terjejas dengan jumlah mangsa 38,878 daripada 10,847 keluarga; diikuti Muar dengan 524 mangsa (163 keluarga); Segamat 212 orang (56 keluarga) dan Tangkak 63 mangsa (12 keluarga).

Dua sungai di Batu Pahat masih melepasi aras bahaya iaitu Empangan Bekok di Sungai Bekok yang kini pada paras 19.39 meter (m) dan Sungai Senggarang di Senggarang (3.62m) selain Sungai Muar di Bukit Kepong, Muar yang mencatatkan bacaan 3.37m.

Di MELAKA, jumlah mangsa banjir di Jasin terus berkurang kepada 24 mangsa daripada lima keluarga malam ini berbanding 55 mangsa daripada 13 keluarga pada 2 petang.

Sekretariat JPBN dalam satu kenyataan malam ini memaklumkan kesemua mangsa ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Penghulu.

Di PAHANG, aplikasi InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaporkan jumlah mangsa banjir malam ini kekal seperti petang tadi iaitu 145 orang daripada 51 keluarga di daerah Rompin.

Seramai 90 orang daripada 29 keluarga ditempatkan di PPS SK Leban Chondong manakala 55 orang daripada 22 keluarga di PPS SK Kampung Aur. – Bernama, 13 Mac 2023.

NEKAD TERJUN LAUT SELAMATKAN KANAK-KANAK LEMAS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945376/nekad-terjun-laut-selamatkan-kanak-kanak-lemas>

Sumber : Harian Metro



Bachok: Tanpa memikirkan keselamatan diri, seorang wanita nekad terjun ke laut bagi menyelamatkan seorang kanak-kanak yang hampir lemas ketika mandi di Pantai Damat, hari ini.

Dalam kejadian jam 5.30 petang itu, kanak-kanak itu, Wan Muhammad Afif Danial Wan Mohd Nasir, 11, bagaimanapun meninggal dunia beberapa minit selepas dibawa ke daratan.

Asimah Abdul Manaf, 30, berkata, ketika kejadian dia sedang berada di rumah nenek suaminya, berhampiran pantai sebelum didatangi seorang wanita yang menjerit meminta tolong bagi menyelamatkan kanak-kanak lemas.

"Tanpa berfikir panjang, saya bersama abang ipar, Mohd Azizul Zawawi, 40, terus terjun ke laut bagi mengambil kanak-kanak itu yang tengah ditarik seorang lagi kanak-kanak lain.

"Saya hanya fikir kalau itu anak saya, jadi saya pegang bahagian kaki dan abang ipar angkat badannya dan bawa mangsa ke daratan kira-kira 100 meter dari tempat dia lemas," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, hari ini.

Asimah berkata, sebaik dibawa ke darat, mangsa masih bernafas namun mengalami muntah yang teruk dan tidak sedarkan diri.

Katanya, tidak lama kemudian, seorang penduduk kampung memaklumkan nadi mangsa sudah berhenti.

Sementara itu, bapa saudara mangsa, Nik Mat Ariffin Samah, 54 berkata, dia mengetahui kejadian ketika sedang bekerja di Pengkalan Chepa.

Katanya, dua anaknya, Nik Muhammad Ridzuan, 13, dan Nik Muhammad Rizman, 9 bersama tiga lagi rakan ke pantai berkenaan tanpa pengetahuan keluarga.

Katanya, menurut salah seorang anaknya, mereka berenang mandi di pantai berkenaan sebelum kejadian lemas berlaku.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohamad Ismail Jamaluddin yang turut hadir ke lokasi mengesahkan kejadian.

Katanya, mayat kanak-kanak itu dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu untuk bedah siasat.

"Pihak polis menasihatkan orang ramai yang berkunjung ke pantai untuk tidak melakukan aktiviti mandi manda kerana ombak sangat bergelora ketika ini mendatangkan bahaya.

"Kita akan bincang dengan Ketua Jajahan Bachok bagi menaikkan tanda larangan mandi," katanya.

Mohd Ismail berkata, pihak polis melakukan rondaan di sepanjang pantai Bachok dengan semalam rondaan dilakukan di Pantai Melawi dan Pantai D'Aur.

PENERBANGAN IHSAN BAWA BAYI ASMA KE HOSPITAL

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1076175/penerbangan-ihsan-bawa-bayi-asma-ke-hospital>

Sumber : Berita Harian



GUA MUSANG: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan ihsan membawa seorang bayi Orang Asli dari Pos Balar yang mengalami asma sejak tiga hari lalu untuk menerima rawatan di hospital.

Aidil Aiman Remi yang berusia sembilan bulan ditemani ibu, Abol Vina Along, 26, dan bapa, Remi Zesali, 23.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM, Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Akmaluddin Said, berkata pesakit Orang Asli dibawa keluar menggunakan pesawat Agusta Westland 139 (AW139).

"Pesawat berlepas dari Pangkalan Udara Wilayah Utara pada 12.53 tengah hari dan mendarat di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada 1.52 tengah hari untuk mengambil dua kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM)

"Kru sampai di Pos Balar pada 2.12 petang dan kembali ke BBP Gua Musang pada 2.35 petang dan pesakit dibawa ke Hospital Gua Musang menggunakan ambulans.

"Pesawat berlepas pulang ke Pangkalan Udara Wilayah Utara pada 2.39 petang dan selamat sampai 3.38 petang," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, operasi membabitkan lima anggota Unit Udara yang diketuai Penolong Kanan Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki.

TINGKATKAN JUMLAH TENAGA BURUH WANITA DI MALAYSIA

<https://www.sinarharian.com.my/article/249551/suara-sinar/lidah-pengarang/tingkatkan-jumlah-tenaga-buruh-wanita-di-malaysia>

Sumber : Sinar Harian



KADAR penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia masih rendah berbanding dengan negara lain di peringkat Asia Tenggara iaitu 55.5 peratus pada tahun 2021.

Melihat kepada perbandingan, Malaysia berada di tangga kelapan daripada 10 negara Asean bagi individu berusia 15 hingga 64 tahun dari segi penyertaan buruh wanita.

Negara seperti Laos, Kemboja dan Vietnam yang sedikit terkebelakang daripada sudut pembangunan dan pendidikan merekodkan kadar lebih tinggi iaitu masing-masing 74.8, 74.0 serta 69.6 peratus.

Berdasarkan statistik dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2021, jumlah penduduk Malaysia dianggarkan seramai 32.7 juta.

Daripada jumlah tersebut, populasi wanita hampir separuh iaitu 44.7 peratus, sedangkan kadar penyertaan tenaga buruh daripada kaum tersebut hanya 55.5 peratus.

Dari sudut pendidikan, kadar enrolmen wanita dalam semua peringkat pendidikan sama ada rendah, menengah atau tertiar adalah tinggi, bagaimanapun aspek kadar penyertaan dalam pasaran itu tidak selari.

Pakar menyatakan, antara faktor penyertaan wanita rendah dalam pasaran buruh disebabkan perlu bersaing dengan pekerja asing terutama dalam sektor separa mahir dan berkemahiran rendah.

Ia ditambah pula dengan kesanggupan buruh asing menerima gaji rendah yang menyebabkan ada majikan menjadikan mereka ini sebagai keutamaan majikan dalam pengambilan pekerja.

Walaupun negara telah beralih fasa peralihan ke endemik akibat Covid-19, namun kesan pandemik itu masih dirasakan sektor ekonomi lebih-lebih lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kesan daripada tekanan ekonomi dan keseimbangan kehidupan sewaktu pandemik juga telah menyebabkan ramai wanita berada di luar pasaran pekerjaan atas beberapa sebab; antaranya diberhentikan dan berhenti secara sukarela.

Ketika ini ramai wanita lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai keluarga lebih cenderung untuk bekerja sendiri seperti menjalankan perniagaan langsung dan dalam talian. Ada juga yang memasuki ekonomi gig yang dirasakan lebih fleksibel terutama waktu bekerja bagi menguruskan keluarga.

Justeru, perlu ada pendekatan holistik daripada kerajaan dengan mengambil kira pelbagai aspek wanita ketika ini bagi memastikan mereka dapat menyertai pasaran pekerjaan tanpa kekangan.

IBU TUNGGAL BERSYUKUR, BANTUAN RINGAN BEBAN SEDIA KELENGKAPAN ANAK KE SEKOLAH

<https://selangorkini.my/2023/03/ibu-tunggal-bersyukur-bantuan-ringan-beban-sedia-kelengkapan-anak-ke-sekolah/>

Sumber : Selangor Kini



PETALING JAYA, 13 MAC: Seorang ibu tunggal meluahkan kesyukuran susulan anaknya terpilih sebagai salah seorang penerima bantuan kembali ke sekolah daripada Kerajaan Selangor.

Juliana Idrus, 38, berkata sumbangan berjumlah RM100 itu meringankan bebannya dalam menyediakan kelengkapan persekolahan Muhammad Izz Azelin Mohd Haredan, tujuh.

“Mungkin bantuan diterima itu bagi segelintir orang tidak besar tetapi bagi saya dengan empat anak masih bersekolah ia amat tinggi nilainya terutama ketika kos sara hidup yang meningkat.

“Terima kasih Kerajaan Negeri yang prihatin, semoga bantuan ini diteruskan pada masa akan datang,” kata ibu enam anak itu.

Manakala, suri rumah Norazliza Abdullah, 32, turut bersyukur kerana kedua-dua anaknya berusia 12 dan lapan tahun terpilih antara penerima bantuan kembali ke sekolah.

“Bantuan ini tepat pada masanya kerana sesi persekolahan bakal dibuka tidak lama lagi, boleh guna duit ini untuk beli kelengkapan sekolah anak-anak.

“Apabila kedua anak kami dapat bantuan memang sangat gembira, boleh bantu ringankan beban dan terima kasih Kerajaan Selangor,” katanya.

Terdahulu, kedua-dua mereka antara tujuh penerima yang mewakili anak bagi mengambil bantuan persekolahan disampaikan Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari pada program Jelajah Kita Selangor Penyayang di Padang Permainan MBPJ, Desa Mentari 3 di sini semalam.

'BANTUAN PERSEKOLAHAN RM100 RINGANKAN BEBAN KAMI'

<https://www.sinarharian.com.my/article/249555/edisi/kelantan/bantuan-persekolahan-rm100-ringankan-beban-kami>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - Tiada yang lebih menggembirakan ibu tunggal, Zinorlaili Ismail, 47, apabila berpeluang menerima bantuan persekolahan untuk anaknya.

Zinorlaili yang menanggung keluarga termasuk dengan mengutip kotak memberitahu, bantuan itu dapat mengurangkan bebannya ketika kenaikan harga barang.

Menurutnya, selepas berpisah dengan suami kira-kira 14 tahun lalu, dia terpaksa bekerja sendiri untuk membiayai lima anak serta ibunya yang berusia 70-an.

"Alhamdulillah, ini rezeki kami. Pemberian RM100 boleh mengurangkan beban saya dalam keadaan banyak barang keperluan harian yang semakin meningkat," katanya ketika ditemui di Pasaraya Mydin di sini pada Isnin.

Zinorlaili juga bersyukur kerana dapat terus mencari rezeki menggunakan motosikal roda tiga yang disumbangkan orang ramai.



Rohani

Bagi tukang cuci, Rohani Che Ki, 55, bantuan persekolahan sebanyak RM100 memberi peluang anaknya, Muhammad Amirul Ramli, 15, bertukar pakaian baharu selepas dilantik sebagai pengawas.

Katanya, sebelum ini dua lagi anaknya berusia 12 dan 16 tahun hanya memakai pakaian sedia ada walaupun sudah memasuki tahun baharu kerana tidak mampu menyediakan pakaian baharu.

"Pendapatan sebagai tukang cuci dari rumah ke rumah sebanyak RM400 sebulan hanya mampu untuk saya membeli keperluan harian," katanya.

Rohani yang juga ibu tunggal sejak 2012 kerana kematian suami mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450.

Sementara itu, Presiden Gabungan Kelab Kereta Negeri Kelantan (GKNK), Wan Azley Wan Mohamed berkata, seramai 30 pelajar menerima bantuan persekolahan itu.

Katanya, program berkenaan merupakan kerjasama GKNK dan Kelab Santuni Asnaf Kelantan yang diharap dapat memberi keceriaan kepada penerima.

OKU LEGA BANTUAN PENUHI KEPERLUAN ANAK KEMBALI KE SEKOLAH

<https://selangorkini.my/2023/03/oku-lega-bantuan-penuhi-keperluan-anak-kembali-ke-sekolah/>

Sumber : Selangor Kini



PETALING JAYA, 13 MAC: Seorang bapa berstatus orang kurang upaya (OKU) berasa lega dan gembira apabila anaknya menerima bantuan kembali ke sekolah dilaksana Kerajaan Negeri menerusi pemberian baucar RM100.

Arivalagan Thanggelu berkata program digerakkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras itu sememangnya meringankan beban kewangan yang ditanggung lantaran beliau dan isteri berpendapatan kecil.

“Saya hanya pekerja estet dan isteri tukang cuci, gaji kami tak seberapa memang terbeban kerana empat anak masih bersekolah.

“Kehidupan lebih sukar kerana saya kini adalah golongan kurang upaya (OKU) kerana kaki terpaksa dipotong akibat diabetes. Saya amat bersyukur dapat bantuan ini kerana boleh sediakan kelengkapan anak ke sekolah,” katanya bercadang membeli sepasang baju dan kasut untuk anaknya.

Beliau ditemui selepas program Back To School – Selangor Prihatin disempurnakan Ahli Dewan Negeri Paya Jaras Mohd Khairuddin Othman di tapak parkir Econsave Sungai Buloh di sini, semalam.

Bagi Kee Siew Lee berkata beliau gembira dengan bantuan itu memandangkan pendapatan bulanan tidak menentu.

“Saya hanya penanam bunga jadi sekadar mampu raih antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan kadang-kadang langsung tiada pendapatan.

“Memang terbeban nak sediakan kelengkapan memandangkan dua anak masih bersekolah malah kena fikir di rumah nak makan apa. Kalau tak cukup duit pun susah jadi bantuan ini memang beri kelegaan untuk saya. Terima kasih kerana YB (Yang Berhormat Mohd Khairuddin Othman) yang prihatin dan bantu ringankan beban saya,” katanya.

Sementara warden Rumah Kasih Harmoni, Kamariah Wahab berkata pihaknya berharap Kerajaan Negeri meneruskan bantuan kembali ke sekolah menjadi program tahunan.

“Alhamdulillah gembira sangat dengan bantuan ini kerana kita mahu sediakan sekurang-kurangnya dua set pakaian untuk penghuni.

“Memang ada pihak beri sumbangan namun sehelai memang tak cukup tambah lagi jika hari hujan jadi dengan baucar RM100 ini kita akan beli sekurang-kurang dua pasang baju dan kasut untuk mereka,” katanya memaklumkan seramai 20 penghuni rumah tersebut berusia tujuh hingga 12 tahun menerima bantuan itu.

OKU Cepak Main Takraw, Miliki Kedai Gunting Rambut

<https://www.sinarharian.com.my/article/249556/edisi/kelantan/oku-cekap-main-takraw-miliki-kedai-gunting-rambut>

Sumber : Sinar Harian



PASIR PUTEH - Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) fizikal dari Kampung Banggol Stol, Selising di sini dikenali ramai kerana kecekapannya bermain takraw dan menggunting rambut.

Muhammad Fikri Che Mood, 26, yang dilahirkan dengan kecacatan kaki tidak menjadikan kekurangan tersebut sebagai alasan untuk mencuba apa yang boleh dilakukan oleh manusia normal lain.

"Orang lain main takraw pakai kaki, tapi saya guna tangan. Sama juga dengan menggunting rambut, ramai yang kurang yakin kerana bentuk fizikal saya.

"Saya menggunakan kerusi tinggi dan meja untuk memudahkan kerja menggunting rambut pelanggan, walaupun nampak kekok tapi ia tidak menjadi masalah," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, kemahiran tersebut dipelajarinya sejak berusia 11 tahun dan ketika itu hanya melihat arwah bapanya, Che Mood Zakaria menggunting rambut adik-beradik yang lain.

Ujar anak bongsu daripada enam beradik, sejak dari itu dia mengambil upah menggunting rambut di hadapan rumahnya dengan bayaran sekitar RM3 hingga RM6 setiap pelanggan.



Muhammad Fikri (kiri) meluangkan masa berlatih takraw dengan abangnya di hadapan rumah sebelum menyertai pertandingan.

Muhammad Fikri memberitahu, selepas lebih 10 tahun mencari rezeki dengan cara berkenaan, dia kini mampu memiliki sebuah kedai gunting berhampiran rumahnya.

"Kedai tersebut hasil sumbangan pemimpin setempat serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Alhamdulillah kini saya dapat bekerja dengan selesa dan pelanggan semakin bertambah," ujarnya.



Muhammad Fikri dari Kampung Banggol Stol, Selising, Pasir Puteh dikenali ramai kerana kecekapannya bermain takraw dan menggunting rambut.

Dia berkata, walaupun dilahirkan serba kekurangan namun ia langsung tidak melemahkan semangatnya untuk meneruskan kehidupan.

Kata anak muda ini, di mana ada kemahuan di situ ada jalan dan yang penting sentiasa berusaha dan rajin.

AKTIVIS YANG MEMPERJUANGKAN NASIB ORANG KURANG UPAYA (OKU) KATEGORI MASALAH PEMBELAJARAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945432/inilah-kepuasan-saya>

Sumber : Harian Metro



Semenyih: Ahmat Saridan Suhairi@Kassim bukan hartawan atau orang kaya kerana dulunya hanya seorang pengusaha bengkel kereta, bagaimanapun pandemik Covid-19 mengubah haluan hidupnya menjadi aktivis yang memperjuangkan nasib Orang Kurang Upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran.

Menyedari keperluan anak istimewa itu selepas tamat persekolahan dan tidak mahu melihat mereka tercicir, Ahmat Saridan, 51, mengambil inisiatif menubuhkan pusat latihan dan asas pekerjaan OKU masalah pembelajaran dikenali Akademi Permata Impian (APIM).

Ahmat Saridan berkata, akademi itu ditubuhkan pada 2020 dengan bermodalkan wang simpanannya tetapi dihentikan seketika akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum diaktifkan semula Januari tahun lalu.

Biarpun sedar bukan mudah, Ahmat Saridan usahakan juga malah sanggup menyewa sebuah rumah di Seksyen 3, Bandar Rinching, di sini dengan bayaran RM1,500 untuk dijadikan akademi.

"Saya memahami keperluan insan istimewa kerana anak sulung saya (Iskandar, 24) juga OKU kategori autisme dan disleksia.

"Oleh kerana itu, saya tahu betapa sukarnya nak bina masa depan anak OKU kerana selepas habis mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah, mereka tiada ruang untuk lanjutkan pengajian seperti orang normal.

"Jadi, saya cuba ambil inisiatif untuk bantu mereka terutama OKU kategori masalah pembelajaran kerana ada dengar luahan daripada kenalan ibu bapa OKU yang bertanya ke mana hala tuju anak mereka selepas tamat sekolah," katanya ketika ditemui di APIM, di sini.

Menurut Ahmat Saridan, dia tidak berseorangan sebaliknya mendapat bantuan Yusmaniza Md Yunan, 51 dan anak bongsunya, Mashitah, 20, sebagai sukarelawan di APIM.

Pada masa sama, Ahmat Sharidan turut mendapat sokongan ibu bapa anak OKU yang menjadi pelatih antaranya Ayub Said 57, Noraini Mohd Salleh, 53, Noor Shahlawati Alias 49, Mokhtam Othman 50, Maryam Mansur 41, Syarifah Kasmon, 50, dan pesara guru PPKI, Aminah Sahji, 61.

"APIM dibuka pada Isnin hingga Khamis bermula jam 8 pagi sampai 12.30 tengah hari. Buat masa ini, ada 10 OKU masalah pembelajaran berumur 19 tahun ke atas menjadi pelatih di APIM namun bilangan yang hadir setiap hari tidak menentu kerana kita tidak boleh paksa dan kena mengikut emosi mereka juga.

"Rutin di akademi bermula dengan sarapan dan senaman diikuti kelas di bawah kendalian anak saya, Mashitah selaku pengajar yang membimbing pelatih membaca, menulis serta mengira.

"Habis kelas bersama Mashitah, kita adakan beberapa lagi aktiviti diadakan membuat biskut, memasak, membungkus dan menghasilkan kraftangan.

"Ada masa terluang, kita bawa juga anak istimewa itu keluar membeli belah bagi membolehkan mereka merasai pengalaman seperti orang normal," katanya yang masih mencari rezeki dengan mengambil upah memperbaiki kenderaan.

Ahmat Saridan berkata, APIM belum mendapat bantuan tetap daripada mana-mana pihak atau agensi.

Justeru, Ahmat Saridan dan ibu bapa terbabit perlu menggerakkan usaha mengumpul dana salah satunya dengan menjual biskut dan kraftangan dihasilkan pelatih OKU.

"Hasil jualan itu yang digunakan untuk kelangsungan akademi. Selebihnya, saya bersama ibu bapa pelatih perlu berkongsi wang sebagai modal untuk merangka aktiviti untuk pelatih dan paling penting membayar sewa bulanan serta bil utiliti.

"Jujurnya, ada yang mengatakan kerja saya ini sia-sia namun kepuasan saya adalah apabila nampak mereka (anak OKU) gembira datang berkumpul di sini," katanya yang menyimpan impian membuka pusat latihan sendiri satu hari nanti.

Orang ramai yang berhasrat membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Islam bernombor 12195010022901 atas nama APIM.